

Jenis Akhbar : Bernama Online  
Tarikh : 17/12/2017  
Edisi / Muka Surat : [www.bernama.com](http://www.bernama.com)

## Angkasa Sasar 90 Peratus Koperasi Anggotainya Menjelang 2020

Tarikh kemaskini: 17/12/2017

PUTRAJAYA, 17 Dis (Bernama) -- Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menyasarkan 90 peratus koperasi di negara ini mendaftar sebagai anggotanya menjelang 2020.

Timbalan Presiden Angkasa Mutadho Bahri berkata ketika ini, terdapat lebih 12,000 koperasi yang berdaftar dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan hampir 10,000 daripadanya merupakan anggota Angkasa.

"Bagaimanapun, terdapat juga koperasi yang kurang aktif. Mungkin, atas sebab itu mereka tidak menyertai Angkasa," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Alumni Sekolah Menengah Teknik Kuantan 72/73 Berhad di sini, hari ini.

Beliau berkata bilangan koperasi di negara ini semakin bertambah dengan hampir setiap hari terdapat sebuah koperasi ditubuhkan.

Untuk itu, katanya, Angkasa perlu bekerja keras bagi mencapai sasaran itu termasuk melalui kempen 'Jom Join Angkasa' yang menyasarkan 2,500 koperasi berdaftar dengan organisasi itu tahun ini.

Bagi membantu koperasi-koperasi yang baharu ditubuhkan, Mutadho berkata Angkasa turut menjalankan pelbagai program seperti seminar dan kursus pengurusan.

Selain itu, Sistem Pengurusan Berkomputer Angkasa (SPBA) juga dibangunkan bagi memberi perkhidmatan dan nasihat perakaunan secara percuma.

"Ia juga berperanan membantu koperasi mengendalikan sistem pengurusan berkomputer yang boleh disesuaikan dengan aktiviti seperti kewangan, perladangan, perumahan, perindustrian, pembinaan, pengangkutan, perkhidmatan, insurans, pengguna, hartanah dan serbaguna," jelasnya.

-- BERNAMA